

**KSN pertahan pelantikan Khusrin  
Malaysiakini.com  
January 5, 2011**

Dalam satu kenyataan 10 perenggan hari ini, Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Mohd Sidek Hassan menjelaskan proses pelantikan Datuk Mohd Khusrin Munawi sebagai setiausaha kerajaan negeri (SUK) yang baru.

Menurutnya, kerajaan Selangor telahpun dirunding berhubung pelantikan Khusrin itu melalui SUK terdahulu Datuk Ramli Mahmud.

Katanya, rundingan itu dijalankan secara "profesional" dan hanya melibatkan beliau sebagai pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat dan juga Ramli.

Menurut Mohd Sidek, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui surat bertarikh 23 November 2010 kepada Ramli memaklumkan bahawa KSN dan JPA telah mengenalpasti dan memperakukan tiga calon untuk dipertimbangkan sebagai calon SUK yang baru.

"Salah seorang daripada tiga calon itu adalah Datuk Mohd Khusrin Munawi," katanya sambil menambah cadangan mereka dibuat berdasarkan kelayakan, pengalaman, sifat-sifat peribadi dan faktor kesesuaian.

Surat tersebut juga, katanya, juga memohon supaya nama mereka dirujuk untuk pertimbangan dan persetujuan Kerajaan Selangor.

Beliau berkata, JPA melalui surat bertarikh 3 Disember 2010 kepada SUK ketika itu sekali lagi memperakukan tiga calon yang sama untuk dipertimbangkan bagi mengisi jawatan SUK yang baru.

Surat tersebut juga, katanya, memohon mendapatkan perkenan Sultan Selangor yang menurutnya sebagai sebagai satu amalan.

"SUK Selangor ketika itu, melalui surat bertarikh 13 Disember 2010, kepada JPA telah memaklumkan bahawa nama tiga calon itu telahpun dipersembahkan kepada Sultan Selangor dan Baginda telah perkenan supaya Datuk Mohd Khusrin Munawi dilantik sebagai SUK yang baru," tegasnya lagi.

Mohd Sidek juga menegaskan bahawa Perlembagaan Negeri Selangor tidak menetapkan syarat untuk Sultan Selangor meluluskan suatu pelantikan SUK negeri.

Oleh itu, katanya, perkenan oleh Sultan Selangor dalam pelantikan Khusrin bukanlah sesuatu keperluan undang-undang di bawah perlembagaan negeri, tetapi ia lebih kepada suatu kelaziman dan sembah takzim.

Di samping itu, tambahnya, Perkara LII, Perlembagaan Negeri Selangor 1959 tidak menyatakan sebarang keperluan untuk Kerajaan Negeri Selangor dirundingi sebelum sesuatu pelantikan SUK dibuat.

Oleh itu, tegas Mohd Sidek, ketiadaan rundingan dalam melantik SUK Selangor tidak menjejaskan pelantikannya.

"Namun begitu mengikut amalan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai urus setia Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam mengemukakan cadangan nama-nama kepada kerajaan negeri yang berkenaan melalui Setiausaha Negeri sebagai courtesy," tegasnya.

Berikut adalah kenyataan penuh KSN:

Pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah diperuntukkan dalam Pelembagaan Negeri Selangor 1959 dalam Perkara LII (1) yang menyatakan bahawa:

"There shall be constituted the offices of State Secretary, State Legal Adviser and State Financial Officer; and the appointments there to shall be made by the appropriate Service Commission from amongst the members of any of the relevant public services".

Berdasarkan Perkara LII Pelembagaan Negeri Selangor, perkataan 'appropriate Service Commission' adalah merujuk kepada Suruhanjaya Pelantikan yang membuat pelantikan terhadap Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam hal ini, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor adalah daripada pegawai-pegawai awam Persekutuan daripada Skim Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) dan Suruhanjaya Pelantikan mereka adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) kerana Perkhidmatan PTD itu adalah terjatuh di bawah perkara 132(2)(c) Pelembagaan Persekutuan iaitu 'the general public service of the federation'. Perkara ini dinyatakan dalam Fasal (1) Perkara 139 Pelembagaan Persekutuan.

Fasal 5(B)(i) Perkara 144 Pelembagaan Persekutuan pula menyatakan bahawa:

'Walau apa pun peruntukan Fasal (1) Perkara 135 dan Perkara 139 dan Perkara 141A, semua kuasa dan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Pendidikan yang ditubuhkan di bawah Perkara 139 dan 141A, selain kuasa membuat pelantikan pertama kepada perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, boleh dijalankan oleh suatu lembaga yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.'" Dalam hal ini, Yang di-Pertuan Agong telah membuat peraturan yang dinamakan sebagai Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 [P.U.(A)75/2010] bagi menjalankan kuasa SPA khusus berkaitan dengan pemangkuan dan kenaikan pangkat pegawai awam Persekutuan. Oleh itu, penempatan Y.Bhg. Datuk Mohd Khusrin bin Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah dibuat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang saya selaku Ketua Setiausaha Negara mempengerusikan, sebagai suatu kuasa yang sah dari segi Pelembagaan Persekutuan dan merupakan 'appropriate Service Commission' menurut Perkara LII (1) Pelembagaan Negeri Selangor. Kenyataan bahawa pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dibuat oleh Kerajaan Persekutuan adalah tidak tepat dari segi undang-undang.

Pelembagaan Negeri Selangor tidak menetapkan syarat untuk Sultan Selangor meluluskan suatu pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri. Oleh itu perkenan oleh Sultan Selangor dalam pelantikan Y.Bhg. Datuk Mohd Khusrin bin Munawi bukanlah sesuatu legal requirement di bawah Pelembagaan Negeri Selangor tetapi ia lebih kepada suatu kelaziman dan courtesy untuk Sultan memperkenankan sesuatu cadangan pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang akan menjadi ketua pentadbir di negeri Baginda. Dalam proses itu, jika mana-mana nama, jika ada yang dipersembahkan untuk pertimbangan Sultan Selangor adalah juga sebagai suatu kelaziman dan courtesy sahaja. Apa yang sah dari segi undang-undang ialah pelantikan yang dibuat oleh 'appropriate Service Commission' atau oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang menjalankan kuasa SPA seperti mana yang diperuntukkan dalam Pelembagaan Persekutuan 144(5B)(i) dan

[P.U.(A)75/2010]. Oleh itu, pelantikan Y.Bhg. Datuk Mohd Khusrin bin Munawi sebagai SUK Selangor adalah teratur dan sah dari segi undang-undang.

Di samping itu, Perkara LII, Perlembagaan Negeri Selangor 1959 tidak menyatakan sebarang keperluan untuk Kerajaan Negeri Selangor dirundingi sebelum sesuatu pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dibuat. Oleh itu, ketiadaan rundingan dalam melantik Setiausaha Kerajaan Negeri Negeri Selangor tidak menjejaskan pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor itu. Namun begitu mengikut amalan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai urus setia Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam mengemukakan cadangan nama-nama kepada kerajaan negeri yang berkenaan melalui Y.B. Setiausaha Negeri sebagai courtesy.

Misalnya Y.Bhg. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui surat bertarikh 23 November 2010 kepada Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ketika itu telah memaklumkan bahawa Ketua Setiausaha Negara dan JPA telah mengenal pasti dan memperakukan 3 orang calon untuk dipertimbangkan sebagai calon bagi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang baru. Salah seorang daripada 3 orang calon itu adalah Y.Bhg. Datuk Mohd Khusrin bin Munawi. Cadangan 3 orang calon yang dikemukakan itu adalah berdasarkan kelayakan, pengalaman, sifat-sifat peribadi dan faktor kesesuaian.

Ketiga-tiga calon itu diyakini akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dan berwibawa serta berintegriti sekiranya dipilih untuk menjawat jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Surat bertarikh 23 November 2010 (Lampiran A) juga seterusnya memohon supaya nama 3 orang calon itu dirujuk untuk pertimbangan dan persetujuan Kerajaan Negeri Selangor. Seterusnya JPA melalui surat bertarikh 3 Disember 2010 (Lampiran B) kepada Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ketika itu sekali lagi memperakukan 3 orang calon yang sama untuk dipertimbangkan bagi mengisi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Surat tersebut juga memohon mendapatkan perkenan Sultan Selangor (sebagai amalan). Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ketika itu melalui surat bertarikh 13 Disember 2010 (Lampiran C) kepada JPA telah memaklumkan bahawa nama 3 orang calon itu telahpun dipersembahkan kepada Sultan Selangor dan Baginda telah perkenan supaya Y.Bhg. Datuk Mohd Khusrin bin Munawi dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang baru.

Dalam proses pelantikan ini saya tidak mengambil input politik dalam urusan pelantikan tersebut dan tidak merujuk kepada mana-mana Anggota Pentadbiran Persekutuan termasuk YAB Perdana Menteri. Urusan tersebut dilaksanakan secara profesional yang hanya melibatkan Ketua Setiausaha Negara (dan Lembaga Kenaikan Pangkat) dengan Kerajaan Negeri Selangor. Pelantikan Y.Bhg. Datuk Mohd Khusrin bin Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Selangor adalah mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor dan Peraturan-peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 serta amalan, di mana terdapat elemen konsultasi dengan Kerajaan Kerajaan Selangor melalui YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Proses konsultasi ini dilaksanakan dalam proses pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi negeri-negeri lain yang berkaitan sama ada negeri-negeri yang ditadbir oleh Barisan Nasional ataupun yang tidak ditadbir oleh Barisan Nasional termasuk pelantikan Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Tidak timbul isu penolakan oleh Kerajaan Negeri Selangor kerana pelantikan Y.Bhg. Datuk Mohd Khusrin bin Munawi sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri bukan merupakan pelantikan oleh kerajaan Persekutuan tetapi dibuat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, Undang-undang Tubuh

Kerajaan Negeri Selangor dan Peraturan-Peraturana Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010 [P.U.(A) 75/2010].

Dalam urusan pelantikan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor atau mana-mana pegawai Persekutuan di peringkat negeri, saya selaku Ketua Setiausaha Negara dan Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan tidak mengambil input politik dalam urusan pelantikan tersebut dan tidak merujuk kepada mana-mana Anggota Pentadbiran Persekutuan termasuk Y.A.B. Perdana Menteri. Urusan tersebut dilaksanakan secara profesional yang hanya melibatkan saya selaku Ketua Setiausaha Negara dan Pengerusi Lembaga Kenaikan Pangkat dengan kerajaan negeri yang berkenaan melalui Setiausaha Kerajaan negeri berkenaan.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/152555>